

CARA PAM TAYAR YANG BETUL

A) KENAL PASTI KEGUNAAN PAM ANGIN DI STESEN MINYAK

**MENAMBAH
JUMLAH PADA
METER**

**MENGURANGKAN
JUMLAH PADA
METER**

**MENUKAR UNIT
SAMA ADA KPA
ATAU PSI**

**BUTANG ANGIN
UNTUK TAYAR
PANCIT**



B) KENAL PASTI BACAAN TEKANAN ANGIN TAYAR PADA KERETA DAN MOTOSIKAL



Tekanan angin pada kereta



Tekanan angin pada motosikal

Berdasarkan gambar rajah yang diberikan, sila jawab soalan seperti berikut :

1. Dimanakah kita boleh dapati bacaan tekanan angin tayar pada **kereta** ?
 - A. Di cermin
 - B. Di sisi pintu hadapan sebelah kanan selepas dibuka
 - C. Di ekzos
 - D. Di cermin belakang
2. Dimanakah kita boleh dapati tekanan angin tayar pada **motosikal** ?
 - A. **bawah sit, pada bodyset atau swing arm.**
 - B. Tayar dan cermin sisi
 - C. Di eksoz
 - D. Pada no plat
3. Berapakah tekanan angin tayar **kereta** bahagian hadapan (**FRONT**) perlu diisi ?
 - A. 230 kPa
 - B. 220 kPa
 - C. 119 kPa
 - D. 203 kPa
4. Berapakah tekanan angin tayar **motosikal** bahagian belakang (**REAR**) perlu diisi bagi penunggang sahaja?
 - A. 28.6 psi
 - B. 28.5 psi
 - C. 28.7 psi
 - D. 32 psi

C) Tuliskan nombor mengikut urutan dari nombor 1- 8 tentang cara pam angin tayar kereta.



Dapatkan jumlah kPa dan juga jumlah PSI. Hafal jumlah salah satu daripada unit itu.



buka penutup punat tayar, dan letakkan kepala pam pada punat tayar.



buka pintu bahagian pemandu dan lihat di bahagian tepi.



pergi kepada pam. Pam digital dan berjarum boleh digunakan.



Tekan sehingga anda dapat pastikan angin sedang memasuki tayar. Cabut kepala pam setelah mesin pam berbunyi bip-bip.



Tetapkan jumlah pada penunjuk jarum/digital agar sama dengan jumlah yang anda hafal sebentar tadi.



Perhatikan *sticker* kecil yang memaparkan info ringkas tentang kadar angin tayar depan dan tayar belakang, serta kadar angin pada tayar yang dibenarkan ketika kereta kosong, ataupun penuh dengan penumpang. *Sticker* ini selalunya berwarna putih.



Gunakan butang + atau – untuk menambah atau mengurangkan jumlah pada meter.